

## Ops Pencegahan Jenayah: Enam lelaki terlibat dadah ditahan

3 Februari 2022

### Ops Pencegahan Jenayah: Enam lelaki terlibat dadah ditahan

**LARUT** - Seramai enam lelaki termasuk seorang remaja berusia 14 tahun ditahan dalam Ops Pencegahan Jenayah sempena sambutan Tahun Baharu Cina di Selama di sini pada Selasa.

Ketua Polis Daerah Selama, Superintendan Mohd Sabri Saad berkata, kesemua suspek berusia 14 hingga 30-an itu didapati terlibat dalam pnyalahgunaan dadah.

“Sebanyak 28 gram dadah jenis methamphetamine bernilai RM3,000 turut dirampas daripada salah seorang suspek.

“Suspek berkenaan didapati melakukan peng-

edaran secara kecil-kecilan di kawasan setempat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Menurutnya, kesemua suspek direman sehingga Jumaat untuk siasat mengikut Seksyen 39A(1) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Katanya, polis giat melaksanakan operasi dengan mendirikan sekatan jalan raya dan rondaan pencegahan jenayah bagi mengekang sebarang perlakuan jenayah di musim perayaan ini.

“Peningkatan jumlah kenderaan yang masuk ke daerah ini juga menjadi faktor kawalan dilakukan polis supaya tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku,” katanya.